

Nama :

Kelas :

LATIHAN PENJODOH BILANGAN

Baca petikan di bawah dan senaraikan 7 penjodoh bilangan yang terdapat dalam petikan tersebut.

Pada malam sebelum menyambut Hari Raya Aidilfitri, Husna dan keluarga bergotong-royong menghias rumah dan membuat persiapan rapi untuk bergaya pada hari raya. Baju raya ahli keluarga Husna ada dua pasang setiap seorang.

Ayah Husna sedang membakar beberapa batang leman manakala Ibu Husna pula menggosok sehelai tudung untuk dipakai pada esok hari. Abang Umar sedang mengira wang untuk dimasukkan ke dalam beberapa keping sampul manakala Kak Fira pula sedang memasak rendang ayam di dalam sebuah kuali yang besar. Kak Ameena sibuk bersembang dengan rakan-rakannya sambil menikmati beberapa biji rambutan.

Kemudian, Husna mula memandu keretanya untuk membeli lima ekor ayam lagi, buat simpanan pada esok hari. Kata ibunya “sediakan payung sebelum hujan, mana lah tahu esok habis rendang ayam kita sewaktu tetamu sampai.” Husna tersenyum teringat gelagat ahli keluarganya da bersyukur kerana mendapat peluang menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga yang tercinta.

JAWAPAN

1.

2.

3.

4.

5.

6.

7.

